

RHB BANK BERHAD
Terma dan Syarat untuk Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks

Laman web RHB di www.rhbbank.com.my mempunyai pelbagai rangkaian perkhidmatan dan produk perbankan untuk keperluan perniagaan Pelanggan. Terma dan Syarat di sini akan menentukan akses dan/atau penggunaan Pelanggan terhadap Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks. Dalam pertimbangan RHB Bank mempersetujui untuk menyediakan dan/atau meneruskan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks kepada Pelanggan, Pelanggan harus mempersetujui mematuhi peruntukan di bawah Terma dan Syarat yang ditetapkan.

DENGAN INI kedua-dua pihak BERSETUJU dengan peruntukan berikut:-

1. TAFSIRAN & INTERPRETASI

1.1 Semua pernyataan di sini akan mempunyai makna yang sama seperti yang ditetapkan kecuali di mana konteks memerlukan atau di mana dinyatakan sebaliknya:-

"Akaun"	Bermaksud mana-mana dan kesemua akaun yang (a) Pelanggan miliki di RHB Bank, yang telah dinominasikan dan diberi akses dan/atau penggunaan oleh Pelanggan (sama ada dalam Borang Permohonan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks atau sebaliknya) dan di mana RHB Bank telah membenarkan Pelanggan mengakses dan/atau menggunakannya; atau (b) RHB Bank telah menyediakan akses kepada pelanggan untuk maklumat tentang Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks; selaras dengan prosedur RHB Bank untuk tujuan memudahkan akses dan/atau penggunaan Pelanggan terhadap Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.
"Perkhidmatan Pengurusan Akaun"	Bermaksud perkhidmatan untuk tujuan pertanyaan yang dikenalpasti dalam Borang Pemilihan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks sebagai "Perkhidmatan Pengurusan Akaun".
"Pengakuan"	Bermaksud apa jua pengesahan positif, tidak penerimaan, pengakuan, penolakan, pembatalan atau pembalasan daripada RHB Bank kepada Pelanggan.
"ID Pengurusan"	Bermaksud nombor pengenalan akses yang dikeluarkan oleh RHB Bank kepada Pelanggan untuk mencipta Profail dan ID Masuk/SignOn.
"Bank Negara Malaysia"	Bermaksud bank pusat Malaysia, ditubuhkan di bawah AktaBank Pusat Malaysia 1958.
"Hari Perbankan"	Bermaksud hari di mana RHB Bank buka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.
"ID Korporat"	Bermaksud nombor pengenalan akses yang dikeluarkan oleh RHB Bank kepada Pelanggan untuk mengesahkan Profail dan ID Masuk/SignOn yang dicipta dengan penggunaan ID Pengurusan Pelanggan.

"Kandungan"	Bermaksud apa jua dan kesemua bahan, maklumat, grafik, teks, imej, pautan, iklan dan data yang terkandung dalam Laman Web, termasuk bahan dan kandungan berkaitan dengan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.
"Pelanggan"	Bermaksud syarikat, rakan kongsi, persatuan, kelab, pertubuhan atau mana-mana entiti yang dikenalpasti dalam Borang Permohonan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, di mana RHB Bank telah memersetujui untuk menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks berdasarkan terma dan syarat seperti di bawah.
"Sijil Digital"	Bermaksud sijil digital yang diterbitkan selaras dengan peruntukan Akta Tandatangan Digital 1997.
"Pengguna Akhir"	Bermaksud salah satu atau lebih daripada satu pekerja dan/atau ejen Pelanggan, di mana Pelanggan telah kumpulkan di bawa Profail dan telah diberi ID Masuk/SignOn oleh Pelanggan untuk operasi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks untuk dan bagi pihak Pelanggan.
"Borang Pemilihan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks"	Bermaksud borang yang dikenali sebagai "Borang Pemilihan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks" yang dihantar pada RHB Bank oleh Pelanggan yang mengenalpasti Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks tertentu yang dipohon oleh Pelanggan dari masa ke semasa dan/atau penggunaan melalui Laman Web.
"Pengenal pasti"	Termasuk Sijil Digital, ID Pengurusan, ID Korporat, ID Masuk/SignOn, Token, Token PKI, Kata Laluan Token, Kata Laluan Token PKI, Kod Laluan Token dan Kata Laluan Token PKI dan salah satu atau lebih daripada satu sepertimana yang diperlukan konteks.
"Arahan"	Bermaksud apa jua aplikasi, pengesahan, arahan, mandat atau permintaan yang dikeluarkan oleh Pelanggan pada RHB Bank untuk melaksanakan salah satu atau untuk melaksanakan salah satu atau lebih, Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks yang dibenarkan oleh RHB Bank dan termasuk tanpa had, apa jua mesej yang disampaikan secara elektronik, melalui faks, telefon atau sebaliknya.
"Pautan"	Bermaksud pintasan yang ditandakan dengan perkataan yang diwarnakan, perkataan berbeza warna dan/atau grafik (cth. logo hak cipta atau butang) pada laman web yang memberitahu pengguna akan kewujudan pautan ke laman lain di Internet atau laman web di lokasi lain selain dari laman web tersebut.
"Kata Laluan"	Bermaksud jaringan angka yang diisukan oleh pihak RHB Bank kepada pelanggan dalam Surat Pin bagi tujuan membolehkan pengguna menggunakan Token selaras dengan prosedue Bank RHB.
"Token PKI"	Bermaksud sejenis alat elektronik yang diisukan oleh RHB Bank kepada pelanggan bagi tujuan menjana kata laluan Token PKI.

"Kata Laluan untuk Token PKI"	Bermaksud jaringan angka yang dijana dari Token PKI selaras dengan prosedur Bank RHB, di mana pengguna akan menggunakan sebagai pengenalan untuk mengesahkan mana-mana atau kesemua transaksi.
"Surat PIN "	Bermaksud dokumen yang mengandungi kata laluan Token dan Token PKI, diisukan oleh RHB Bank kepada pelanggan.
"Profail	Bermaksud kesemua dan atau mana-mana kategori Pengguna yang diwujudkan dan ditetapkan oleh pengguna menerusi ID Pentadbir and ID Korporat, di mana pengguna menentukan dan menetapkan struktur kawalan operasi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.
"Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks"	Bermaksud produk bukan transaksi elektronik , perkhidmatan dan/atau kemudahan RHB Bank dikenali sebagai "Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks", dan perkhidmatan lain seumpamanya mungkin ditambah, ditarik, dipelbagaikan atau diganti oleh RHB Bank pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa atas budi bicara yang dirasakan berpatutan oleh RHB Bank.
"Borang Permohonan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks"	Bermaksud borang permohonan yang diserahkan pada pihak RHB Bank oleh pengguna ketika permohonan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, dikenali sebagai Borang Permohonan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.
"RHB Bank"	Bermaksud RHB Bank Berhad (No. Syarikat 6171-M) beralamat berdaftar di Level 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur, Malaysia.
"Prosedur RHB Bank"	Bermaksud prosedur RHB Bank yang telah ditetapkan di dalam manual pengguna berkaitan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.
"Caj Perkhidmatan"	Bermaksud pembayaran caj oleh Pengguna bagi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks (termasuk sebarang faedah, komisen dan mana-mana caj yang dikenakan) selaras dengan Terma dan Syarat-syarat di mana caj seumpamanya, faedah, komisen atau caj lain yang dikenakan mungkin berubah dari masa ke semasa.
"ID Masuk/SignOn"	Bermaksud nama Pengguna (merangkumi jaringan angka) dikeluarkan oleh pelanggan kepada pengguna, di mana pelanggan diklasifikasikan di dalam profail tertentu.
"Terma Lazim"	Bermaksud mana-mana (a) garis panduan, polisi, peraturan, prosedur, terma dan syarat ditentukan oleh RHB Bank, dan/atau (b) terma dan syarat yang diterima pelanggan atau dipersetujui di antara pelanggan (atau perseorangan lain) dan RHB Bank (termasuk surat tawaran dan perjanjian), dari masa ke semasa dan berkaitan dengan Akaun, produk perbankan dan/atau perkhidmatan di bawah Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks merangkumi sebarang pembetulan tambahan yang dibuat pada Terma Lazim dari masa ke semasa dan juga bermaksud garis panduan, polisi, peraturan, prosedur, terma dan syarat ditentukan

	oleh RHB Bank dari masa ke semasa berkaitan dengan operasi Akaun Subsidiari beserta sebarang pembedaan dari masa ke semasa.
"Akaun Subsidiari"	Bermaksud mana-mana dan kesemua akaun RHB Bank bagi mana-mana subsidiari Pengguna, yang telah dinamakan dan dibenarkan untuk mencapai dan/atau digunakan oleh subsidiari berkenaan dan di mana RHB Bank telah meluluskan Pengguna untuk mencapai dan/atau menggunakannya selaras dengan prosedur RHB Bank bagi tujuan kemudahan capaian Pengguna dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.
"SysAdmin 1"	Bermaksud wakil Pengguna yang dibenarkan dilantik menerusi Borang Permohonan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks yang dibenarkan bertindak bagi pihak Pengguna sebadai pentadbir sistem untuk mewujudkan Pengguna Akhir dan Profail, di mana perseorangan ini boleh diubah oleh Pengguna dari masa ke semasa.
"SysAdmin 2"	Bermaksud wakil Pengguna yang dibenarkan dilantik menerusi Borang Permohonan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks yang dibenarkan bertindak bagi pihak Pengguna sebadai pentadbir sistem untuk mewujudkan Pengguna Akhir dan Profail, di mana perseorangan ini boleh diubah oleh pengguna dari masa ke semasa.
"Terma dan Syarat"	Bermaksud terma dan syarat-syarat ini mengikat kondisi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dan ia merangkumi Borang Permohonan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, surat akaun tawaran pengguna (termasuk sebarang lampiran) dikeluarkan oleh RHB Bank kepada Pengguna dari masa ke semasa mengenai Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dan di mana berkait, Terma Lazim, bersama sebarang perubahan yang dibuat dari masa ke semasa.
"Token"	Bermaksud sejenis alat elektronik yang dikeluarkan oleh RHB Bank kepada Pengguna bagi tujuan menjana Kod Laluan Token.
"Kod Laluan Token"	Bermaksud jaringan angka yang dijana dari Token selaras dengan prosedur RHB Bank, di mana pengguna akan menggunakan sebagai salah satu tanda pengenal untuk capaian dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.
"Transaksi"	Bermaksud mana-mana transaksi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks atau senarai transaksi, dilaksanakan di laman web dan di mana ia hanya boleh dilakukan oleh Pengguna menerusi komunikasi arahan dan di mana berkait, menyediakan Dokumen Transaksi pada pihak RHB Bank selaras dengan prosedur RHB Bank.
"Dokumen Transaksi"	Bermaksud mana-mana data, informasi, borang atau dokumen sokongan yang diperlukan oleh RHB Bank dari masa ke semasa di mana Pengguna mesti lengkapkan dan serahkan pada RHB Bank secara elektronik dan/atau fizikal (seperti yang ditentukan oleh RHB Bank) beserta arahan, bagi permohonan produk bank tertentu atau

	perkhidmatan yang disediakan di bawah Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.
"Akaun TP"	Bermaksud mana-mana akaun mana-mana pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad pada subsidiari, syarikat pegangan, syarikat berkait, pelanggan pengguna, pembekal pengguna dan penyedia perkhidmatan, dsb) dengan RHB Bank atau mana-mana institusi kewangan berlesen yang lain (sama ada di Malaysia atau tempat lain) diluluskan oleh RHB Bank.
"Pengguna"	Bermaksud SysAdmin 1, SysAdmin 2 dan/atau mana-mana Pengguna Akhir
"Laman Web"	Bermaksud laman web RHB Bank di http://www.rhbbank.com.my di mana Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks disediakan untuk pengguna oleh RHB Bank.

2. OPERASI PERKHIDMATAN PENGURUSAN TUNAI REFLEKS

Capaian dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks

2.1 Pengguna mesti menggunakan tanda pengenalan yang disediakan oleh RHB Bank untuk ID masuk ke Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, selaras dengan prosedur RHB Bank bagi tujuan mengeluarkan arahan pada RHB Bank. Menerusi perantaraan SysAdmin 1 dan SysAdmin2, Pelanggan membenarkan Pengguna untuk bertindak dan bagi pihak Pelanggan atas tujuan yang ditetapkan mengikut terma-terma dan syarat-syarat di sini. Pelanggan mesti memastikan semua pengguna menuruti semua tanggungjawab Pelanggan di bawah terma-terma dan syarat-syarat dan Pelanggan akan terikat jika Pengguna gagal, lalai atau memadamkan untuk menepati tanggungjawab ini.

Kesediaan Perkhidmatan

2.2 RHB Bank tidak menjamin bahawa Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks (atau mana-mana bahagiannya) disediakan di laman web akan sedia digunakan pada tempoh masa yang dinyatakan di sini. Sekiranya berlaku sebarang kegagalan atau gangguan pada Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks (atau mana-mana bahagiannya), Pelanggan boleh menghubungi pusat perkhidmatan RHB Bank selaras dengan klausa 2.7. Pelanggan masih boleh melaksanakan transaksi perbankan menerusi saluran perkhidmatan RHB yang lain (cth cawangan, ATM, menerusi Perbankan Telefon RHB, dsb)

2.3 Kecuali dinyatakan di dalam ini, RHB Bank mungkin dari masa ke semasa dengan atau tanpa notis menetapkan atau mengubah frekuensi atau pendekatan penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks merangkumi tanpa had perkhidmatan, ciri-ciri, produk dan kemudahan yang disediakan menerusi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, RHB Bank mungkin menyediakan pembaharuan, tambahan, pengayaan perkhidmatan dan/atau produk menerusi dan dalam laman web pada bila-bila masa. Dengan menggunakan perkhidmatan dan/atau produk baru, tambahan atau pengayaan

bila dan di mana disediakan, Pelanggan akan terikat dengan terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan dan/atau produk baru tersebut.

Dana Yang Mencukupi

2.4 Pelanggan perlu memastikan terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun dan Akaun Subsidiari (seperti sepatutnya) bagi tujuan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks sekurang-kurangnya satu (1) Hari Perbankan sebelum tarikh penyerahan arahan. RHB Bank tidak akan bertanggungjawab melaksanakan sebarang arahan untuk mana-mana Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks kecuali dan sehinggalah Akaun dan Akaun Subsidiari mempunyai dana mencukupi untuk pindahan atau pembayaran amaun relevan dan caj perkhidmatan. Tanpa menyentuh apa-apa di atas, RHB Bank mungkin pada budi bicaranya dan tanpa merujuk pada Pelanggan melaksanakan mana-mana arahan (atau sebahagiannya) walaupun dana tidak mencukupi di dalam Akaun dan Akaun Subsidiari.

Kepastian

2.5 Pelanggan dimestikan memeriksa intipati setiap arahan sebelum menyerahkan pada RHB Bank untuk memastikan keaslian, ketepatan, kelengkapan dan kebetulan intipati. Arahan yang Pelanggan serahkan menerusi laman web adalah tetap dan muktamad dan menjadi efektif dan mengikat Pelanggan. Tambahan, Pelanggan perlu memeriksa sekiranya arahan telah diproses menerusi (a) Kesemua transaksi direkodkan di status pertanyaan transaksi, dan (b) baki Akaun dan Akaun Subsidiari direkodkan di sejarah transaksi.

2.6 RHB Bank akan menyediakan maklumat dan is tertera di sejarah transaksi dan satu pertanyaan bagi tempoh masa tertentu. RHB Bank tidak menjamin bahawa maklumat dan data yang disediakan menerusi laman web (termasuk tanpa had pada agregat sejarah transaksi untuk mana-mana akaun dan Akaun Subsidiari) akan tersedia pada setiap masa dan RHB Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang dihadapi Pelanggan kesan dari ketidakadaan maklumat dan data tersebut.

Had

2.7 Berdasarkan budi bicara RHB Bank, RHB Bank mungkin dari masa ke semasa, menetapkan atau mengubah had pindahan, pembayaran atau bilangan transaksi yang dilaksanakan pada satu-satu masa, dengan memberikan notis kepada Pelanggan.

Ketidaktepatan

2.8 Pelanggan bersetuju bahawa kecuali Pelanggan memaklumkan RHB Bank mengenai sebarang ketidaktepatan pada Hari Perbankan dengan segera sejurus selepas transaksi lengkap, kemasukan dalam sejarah transaksi dan status pertanyaan transaksi adalah disahkan tepat, muktamad dan konklusif dan mengikat kesemua pihak atas bukti transaksi dilaksanakan oleh Pelanggan. RHB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pihak pelanggan di atas sebarang kehilangan dan kerugian yang dihadapi oleh Pelanggan disebabkan dari atau berkaitan dengan kegagalan pelanggan atau kelewatan memaklumkan RHB Bank sebarang ketidaktepatan dalam transaksi, arahan, satu pertanyaan transaksi atau sejarah transaksi selepas Hari Perbankan segera sejurus transaksi lengkap. Bagi mengelakkan salah faham, terma "ketidaktepatan" yang digunakan dalam klausa 2.8 ini bermaksud perbezaan di antara maklumat yang tertera di sejarah

transaksi atau status pertanyaan transaksi dengan arahan dan/atau transaksi yangA diisukan oleh Pelanggan.

Pusat Perkhidmatan

2.9 Selaras dengan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, Pelanggan boleh mengajukan sebarang pertanyaan, aduan atau mengeluarkan arahan pada RHB Bank menerusi pusat perkhidmatan selaras dengan prosedur RHB Bank menerusi maklumat perhubungan pusat perkhidmatan yang tertera di seksyen "Hubungi Kami" di laman web. Penyiasatan dan resolusi RHB Bank mengenai aduan oleh Pelanggan boleh didapati di seksyen "Hubungi Kami" di laman web.

3. ARAHAN

Perlaksanaan Arahan

- 3.0 Kesemua arahan akan dilaksanakan menggunakan pengenalan selaras dengan prosedur RHB Bank dan penerapan perundangan dari masa ke semasa. Pelanggan mengakui bahawa ada arahan yang mungkin akan diproses setelah (a) Pelanggan menyerahkan pada RHB Bank dan RHB Bank telah menerima arahan dan/atau (b) ketika waktu perbankan normal pada Hari Perbankan. RHB Bank tidak menjamin bahawa arahan akan dilaksanakan dalam jangka tempoh masa tertentu atau dalam mana-mana turutan tertentu. Bagi situasi di mana Pelanggan memerlukan perhatian atau tindakan segera RHB Bank, Pelanggan akan memberi arahan pada RHB Bank menerusi panggilan telefon selaras dengan klausa 2.9. Pelanggan perlu dengan segera menyerahkan RHB Bank pengesahan bertulis arahan yang telah dilaksanakan menerusi telefon. Tanpa menyentuh apa-apa di atas, RHB Bank berhak bertindak mengikut arahan menerusi telefon tanpa menerima sebarang pengesahan bertulis dari Pelanggan.
- 3.1 Pelanggan tanpa boleh dibatalkan bersetuju dan membenarkan RHB Bank bertindak atas kesemua Arahan (sama ada dengan kebenaran atau tidak) menerusi penggunaan Pengenal pasti, termasuk tanpa had di mana arahan adalah suatu kesilapan, penipuan atau pembayaran atau pindahan tanpa kebenaran yang telah dibuat. Pelanggan seterusnya membenarkan bahawa mana-mana arahan dan/atau permintaan yang diterima oleh RHB Bank yang dikenalpasti menerusi mana-mana atau semua Pengenal pasti adalah dianggap dikeluarkan oleh Pelanggan dan/atau Penggunaanya walaupun Arahan dan/atau permintaan seumpamanya dikeluarkan oleh pihak ketiga, sama ada dengan kebenaran atau tanpa kebenaran. Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua Arahan dan/atau permintaan seumpamanya dan secara khusus memastikan ketulenan, kebetulan, ketepatan dan kelengkapan arahan dan Pelanggan bersetuju bahawa RHB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian dan kerosakan akibat ketidaktulenan, kesilapan, ketidak tepatan dan tidak lengkap Arahan yang dikemukakan pada RHB Bank atau kesalahan atau kelewatan yang timbul akibatnya.
- 3.2 Kesemua arahan berkuatkuasa (sama ada dengan kebenaran atau tanpa kebenaran) menerusi penggunaan Pengenal pasti akan mengikat Pelanggan apabila telah diserahkan

pada RHB Bank, tanpa pengabaian sebarang kesilapan, penipuan atau peniruan dan Pelanggan bersetuju bahawa RHB Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian dan kerosakan (termasuk tanpa had kehilangan dana) yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan, subsidiari-subsidiari dan/atau mana-mana pihak ketiga kesan dari :-

- 3.2.1 Sebarang arahan tanpa kebenaran atau transaksi yang berkuatkuasa menggunakan Pengenalan.
- 3.2.2 Keengganan RHB Bank melaksanakan mana-mana Arahan yang diberikan pada RHB Bank kerana syakwasangka atau keadaan tidak normal seperti yang ditentukan oleh RHB Bank menurut pandangannya.
- 3.2.3 RHB Bank melaksanakan arahan tanpa memastikan ketulenen, kebetulan, ketepatan dan/atau kelengkapan arahan seumpamanya, walaupun RHB Bank berhak pada budi bicaranya untuk meminta kepastian dari pihak Pelanggan dan/atau
- 3.2.4 Pelanggan tidak menyedari akan mana-mana terma- terma dan syarat yang dinyatakan di sini.

Pembatalan atau pembetulan arahan

- 3.3 Apabila Pelanggan telah memberikan arahan, pelanggan tidak boleh membatalkan atau mengubahkannya. Namun, Pelanggan boleh membuat permohonan bertulis, RHB Bank boleh, mengikut budi bicara yang sepatutnya, (tapi tidak wajib untuk bersetuju) (a) untuk memenuhi, memenuhi bersyarat atau menolak permintaan bertulis Pelanggan untuk memulangkan wang pembayaran tau pindahan dana atau (b) menarik kembali permintaan bertulis Pelanggan, pembatalan atau mengubah mana-mana arahan awal pelanggan. Semua kos dan caj yang ditanggung RHB Bank bagi implementasi permintaan seumpamanya oleh Pelanggan akan ditanggung oleh pelanggan dan mungkin sekiranya RHB Bank merasakan berpatutan, ia didebitkan dari akaun yang dinyatakan oleh Pelanggan.

Pemberitahuan pada pihak RHB Bank

- 3.4 Menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk memaklumkan RHB Bank dengan segera:
 - 3.4.1 Apabila menerima data atau maklumat tidak lengkap, mengelirukan atau tidak tepat dari RHB Bank mengenai mana-mana atau semua arahan transaksi dan penggunaan lain Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.
 - 3.4.2 Apabila menerima sebarang data atau maklumat yang tidak ditujukan untuk Pelanggan dan/atau
 - 3.4.3 Apabila menyedari atau apabila mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai sebarang arahan yang diberikan oleh pelanggan tidak diterima RHB Bank atau ketidak tulenen, tidak betul, tidak lengkap atau tidak tepat termasuk tanpa had sebarang kesalahan, penipuan atau pembayaran tanpa kebenaran atau pindahan dana dari atau ke Akaun, Akaun Subsidiari atau akaun TP.

3.5 RHB Bank tidak wajib memproses mana-mana arahan (atau sebahagiannya) yang diterima dan mungkin menolak atau melambatkan proses arahan tanpa sebarang tanggungan liability pada RHB Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan-keadaan berikut:-

3.5.1 Arahan dan/atau dokumen transaksi (atau sebahagiannya) tertera pada RHB Bank adalah tidak tulen, silap, tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan diubahsuai.

3.5.2 Akaun, Akaun Subsidiari atau akaun TP yang berkaitan dengan Arahan telah dibekukan, ditutup atau digantung atau Pelanggan telah memasukkan nombor akaun yang tidak lengkap, tidak betul atau tidak sah.

3.5.3 RHB Bank mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai terdapat pelanggaran keselamatan, penipuan, perbuatan jenayah, salah laku atau penyalahgunaan mana-mama perundangan atau peraturan yang telah atau akan dilakukan, dan/atau

3.5.4 Pelanggan belum mengumpulkan dengan perjanjian ini, mana-mana atau semua prosedur dan keperluan RHB Bank seperti yang tertera pada terma standad atau notis yang dihantar oleh RHB Bank kepada Pelanggan dari masa ke semasa.

3.6 RHB Bank tidak wajib, atau mengambil peduli atau bertanggungjawab untuk menyiasat ketulenen, kebetulan, ketepatan, kelengkapan atau integriti arahan (atau sebahagiannya) diterima oleh RHB Bank atau bidang kuasa perseorangan memberitahu dan/atau pelaksanaan yang sama dan menganggap arahan seumpamanya yang diterima sebagai bekuatkuasa dan mengikat pelanggan tanpa pengabaian sebarang kesalahan, penipuan, peniruan, kekurangan kuasa atau salah fahaman.

Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing

3.7 Pelanggan bersetuju untuk menyerahkan Borang Pengisytiharan FEA bersama-sama dengan mana-mana dokumen sokongan yang diperlukan kepada RHB Bank sebagai bukti pengisytiharan mengenai hubungan mereka dengan benefisiari dan tujuan pembayaran transaksi Pemindahan Telegraf Asing (FTT) yang berkaitan. Pelanggan bertanggungjawab untuk menyediakan salinan terjemahan dokumen sokongan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia, jika dokumen sokongan adalah di dalam bahasa-bahasa lain. RHB Bank berhak untuk menggantung atau membuang modul FTT dari pakej Pelanggan atau mengambil sebarang tindakan yang dianggap perlu sekiranya Pelanggan gagal mengemukakan Borang Pengisytiharan FEA dan dokumen sokongan dalam masa yang ditetapkan.

Apabila melaksanakan pemindahan dana, termasuk FTT, Pelanggan bersetuju dan mengaku bahawa ia hendaklah, pada setiap masa, mematuhi dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pematuhan terhadap notis Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing sebagaimana yang terdapat di laman web mereka.

Dokumen Transaksi

3.8 Merujuk pada produk dan perkhidmatan tertentu, RHB Bank mungkin memerlukan Pelanggan untuk menyerahkan dokumen transaksi untuk menyokong arahan Pelanggan.

Pelanggan perlu memastikan bahawa mana-mana dan semua dokumen transaksi diserahkan secara elektronik pada RHB Bank dalam bentuk imejan (a) dokumen asal dan tulen dan/atau (b) ringkasan maklumat dari dokumen asal dan tulen, diperlukan oleh RHB Bank untuk memproses permohonan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks yang relevan. Di atas permintaan RHB Bank dan selaras dengan prosedur RHB Bank, Pelanggan akan menyediakan dokumen asal atau membuktikan sehingga RHB Bank berpuas hati bahawa dokumen transaksi yang diserahkan secara elektronik pada RHB Bank adalah dokumen asal dan tulen yang diperlukan RHB Bank atau ringkasan maklumat yang didapati dari dokumen asal dan tulen. Pelanggan juga menjamin maklumat yang disediakan dalam Dokumen Transaksi adalah betul, lengkap dan tepat.

4. SYARAT PENGGUNAAN

- 4.1 Pelanggan bersetuju bahawa capaian Pelanggan dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks adalah bergantung pada provisis terma-terma dan syarat-syarat ini dan mana-mana terma lazim yang berkait. Pelanggan dan Bank bersetuju sekiranya berlaku sebarang kekeliruan atau ketidaktepatan di antara peruntukan terma-terma dan syarat-syarat ini and Terma Lazim, Terma Lazim akan diguna pakai untuk menyelesaikan kekeliruan dan ketidaktepatan.
- 4.2 Setiap akses Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, Pelanggan bersetuju dan mesti mendapatkan Pengguna untuk membaca dan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat penolak tuntutan di Laman Web, pernyataan privasi dan piagam klien yang tertera di Laman Web, yang mungkin dikemaskinikan dari masa ke semasa.
- 4.3 Peruntukan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks RHB kepada Pelanggan adalah tertakluk kepada hak RHB Bank tanpa notis untuk :-
 - 4.3.1 Mencantumkan dan/atau menggabungkan Akaun dengan mana-mana akaun Pelanggan yang lain dijaga oleh RHB Bank dan memproses untuk kontra atau memindahkan man-mana nilai tertunggak untuk dikreditkan ke mana-mana akaun Pelanggan yang berkaitan atau melangsaikan mana-mana liabiliti Pelanggan dengan RHB Bank. Dengan tambahan di atas, RHB Bank juga berhak untuk menahan pembayaran ke Akaun walaupun tanpa kebenaran Pelanggan.
 - 4.3.2 Membenarkan Pelanggan mana-mana maklumat yang berkait dengan perjanjian ini, tanpa prejudis atau RHB Bank berhak ke atas perlaksanaan yang sama.
- 4.4 Penggunaan Laman Web oleh Pelanggan tertakluk pada akujanji Pelanggan untuk tidak melakukan sebarang pekara berikut :-
 - 4.4.1 tidak menggunakan Laman Web (atau mana-mana perkhidmatan, maklumat atau produk yang dinyatakan di sini) untuk mana-mana tujuan jenayah atau menyalahi undang-undang atau dilarang oleh undang-undang atau Perjanjian ini.
 - 4.4.2 tidak menggunakan Laman Web (ata mana-mana perkhidmatan, maklumat atau produk yang dinyatakan di sini) dalam mana-mana bentuk yang merosakkan, ketidakupayaan, membebankan atau menjejaskan Laman Web atau perkakasan dan sistem perisian, protokol keselamatan, pembekal rangkaian

maklumat/perkhidmatan atau mengganggu mana-mana pihak dari menggunakan Laman Web.

- 4.4.3 tidak memperolehi atau cuba memperolehi akses tanpa kebenaran atau sebaliknya berurusan dengan Akaun, Akaun Subsidiari, akaun TP atau mana-mana akaun lain (kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam perjanjian ini) atau mana-mana perkakasan dan sistem perisn, protokol keselamatan, pembekal rangkaian maklumat/perkhidmatan atau operator lain yang berhubung ke Laman Web, menerusi pencerobohan, pelombongan data atau mana-mana kaedah lain. Pelanggan tidak boleh memperolehi atau cuba memperolehi mana-mana material atau maklumat menerusi mana-mana kaedah tanpa niat yang sedia ada menerusi Laman Web atau Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.
- 4.4.4 tidak mengubah, menyalin, mengedar, memancarkan, meggunakan atau berurusan dengan mana-mana produk, perkhidmatan, maklumat atau kandungan Laman Web (kecuali tujuan yang dinyatakan dalam Perjanjian ini) tanpa memperolehi notis kebenaran bertulis terlebih dahulu dari RHB BankBank.
- 4.4.5 tidak menterakan, menghantar atau memancarkan mana-mana kandungan tanpa kebenaran menerusi Laman Web termasuk tanpa had kandungan yang :
- (i) menyalahi undang-undang, kasar, lucah, mengandungi fitnah, pelanggaran privasi, kesat atau sebaliknya tidak ada objektif ;
 - (ii) kandungan ke "junkmail", "spam", "surat berantai" atau mana-mana bentuk material tanpa kebenaran; dan
 - (iii) mengandungi virus perisian atau mana-mana fail atau program yang mungkin mengganggu, ketidakupayaan, membebankan, atau menjejaskan LamanWeb, perkakasan dan sistem perisian, protokol keselamatan, pembekal rangkaian maklumat/perkhidmatan atau operator lain.

5. OBLIGASI KESELAMATAN PELANGGAN

- 5.1 Pelanggan mesti dan akan memastikan setiap Pengguna menyimpan Pengenal pasti secara sulit dan selamat dan kod lain yang dikeluarkan oleh RHB Bank atau mana-mana penguatkuasa pensijilan yang dikenalpasti oleh RHB Bank bagi membolehkan Pelanggan atau Pengguna seumpamanya akses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks. Pelanggan bersetuju bahawa pengenalan melambangkan tandatangan pelanggan di mana RHB Bank dapat mengenalpastiPpelanggan dan mana-mana Pengguna. Mana-mana perseorangan yang menggunakan Pengenal pasti atau mana-mana sebahagiannya boleh menggunakan dan/atau akses Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks menerusi Laman Web.
- 5.2 Pelanggan bersetuju untuk mengambil kira dan memastikan bahawa setiap Pengguna mengambil langkah berhati-hati untuk menjaga keselamatan Pengenal pasti seperti (tetapi tidak terhad kepada):-

- 5.2.1 Tidak mendedahkan mana-mana Pengenal pasti atau menyebabkan mana-mana Pengenal pasti didedahkan pada sesiapa.
 - 5.2.2 Menukar kata laluan secara kerap.
 - 5.2.3 Menghafal Pengenal pasti dan tidak merekodkannya.
 - 5.2.4 Memberitahu RHB Bank dengan segera sekiranya terdapat mana-mana kecurigaan bahawa mana-mana Pengenal pasti telah didedahkan pada pihak ketiga, untuk membolehkan RHB Bank menghalang penipuan atau penggunaan tanpa kebenaran Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks; dan
 - 5.2.5 Keluar / sign out dari Perkhidmatan Pengurusan Tunai Reflek dan laman web ketika terminal komputer tidak digunakan oleh Pelanggan atau Penggunaanya.
- 5.3 Pengguna mesti memberitahu RHB Bank dengan segera (dan menyerahkan pengesahan bertulis mengenai pemberitahuan) jika Pelanggan :
- a. Mengetahui atau mengesyaki bahawa mana-mana Pengenal pasti telah hilang atau diketahui orang lain tau telah dikompromi dan/atau
 - b. Menyedari atau mengesyaki terdapat capaian tanpa kebenaran dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks
- 5.4 Tanpa menyentuh apa-apa di klausa 5.3, Pelanggan bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang mungkin dihadapi atau ditanggung oleh RHB Bank, Pelanggan, mana-mana subsidiari Pelanggan dan/atau pihak ketiga atau yang mungkin timbul secara langsung atau tidak langsung dari arahan yang diterima oleh RHB Bank(sama ada dengan kebenaran atau tanpa kebenaran) selepas mana-mana atau semua Pengenal pasti telah didedahkan pada pihak ketiga atau dikompromi sehingga RHB Bank mengambil tindakan yang sepatutnya selaras dengan praktik semasa untuk menghalang dari pelaksanaan penggunaan pengenalan.
- 5.5 Apabila RHB Bank diberitahu oleh Pelanggan mengenai keadaan di klausa 5.3 (a) dan/atau klausa 5.3 (b), RHB Bank berhak mengambil langkah-langkah yang dirasakan sepatutnya termasuk hak menggantung capai ke dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks Pelanggan dan/atau Pengguna dan/atau membatalkan mana-mana Pengenal pasti, tanpa had liabiliti pada RHB Bank. Pelanggan dan Pengguna mungkin diberi Pengenal pasti yang baru atas budi bicara muktamad RHB Bank.
- 5.6 RHB Bank menurut budi bicaranya berhak mengnyahaktifkan atau menarik kembali penggunaan mana-mana Pengenal pasti pada bila-bila masa tanpa memberitahu apa-apa sebab dan dengan notis kepada Pelanggan dan/atau Pengguna. RHB Bank berhak menurut budi bicaranya mengaktifkan atau mengeluarkan mana-mana Pengenal pasti bagi membolehkan Pelanggan menyanjung semula akses dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks. Semua kos dan caj yang ditanggung oleh RHB Bank bagi mengeluarkan, mengaktifkan dan mengeluarkan kembali mana-mana Pengenal pasti akan ditanggung oleh Pelanggan dan mungkin, apabila RHB Bank merasakan perlu didebitkan dari akaun Pelanggan yang berkenaan. Pelanggan mesti mematuhi mana-mana peraturan keselamatan lain yang dinyatakan oleh RHB Bank sama ada di laman web, mengikut mana-

mana perjanjian lain dengan RHB Bank, atau pemberitahuan dari Pelanggan kepada RHB Bank menerusi mana-mana kaedah.

- 5.7 Pelanggan mesti memastikan bahawa komputer peribadi atau komputer riba, dari mana akses Pengguna dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks disediakan, dimuat turun dengan prisian anti virus dan anti-spyware yang terkini dan perisian tersebut adalah pada setiap masa dikemaskinikan dengan paten terkini untuk menghalang penggunaan tanpa kebenaran dan/atau akses pada transaksi, Akaun dan Akaun Subsidiari menerusi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks. Pelanggan mesti mematuhi peraturan keselamatan lain yang dinyatakan oleh RHB Bank sama ada di laman web, di bawah mana-mana perjanjian lain dengan RHB Bank atau pemberitahuan RHB Bank pada Pelanggan dalam kaedah yang lain.

6. CAJ PERKHIDMATAN

- 6.1 Caj perkhidmatan dikenakan di atas akses dan/atau penggunaan pelanggan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks yang dilaksanakan Pelanggan dalam bentuk bilangan atau kaedah yang diberitahu oleh RHB Bank secara bertulis dan RHB Bank berhak untuk mengubah caj perkhidmatan pada bila-bila masa dengan memberikan Pelanggan notis mengenai mana-mana perubahan. Pelanggan perlu membayar Caj Perkhidmatan yang dikenakan oleh RHB Bank untuk provisi Pengurusan Perkhidmatan Tunai Refleks dalam bentuk bilangan dan kaedah yang diberitahu RHB Bank secara bertulis. Pelanggan juga bertanggungjawab untuk mana-mana yuran atau caj lain yang dikenakan oleh RHB Bank di atas Arahan yang dibuat menerusi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks (termasuk caj bank, caj pentadbiran, yuran pemprosesan, caj faedah, dsb) dan dibayar kepada RHB Bank mengikut Terma Lazim
- 6.2 Pelanggan dengan ini membenarkan RHB Bank untuk mendebit terus Akaun Pelanggan yang berkenaan untuk mana-mana caj perkhidmatan atau caj lain yang dikenakan oleh RHB Bank. RHB Bank tidak berobligasi untuk memberitahu Pelanggan atau memperolehi kebenaran Pelanggan sebelum mana-mana debit dilaksanakan oleh RHB Bank
- 6.3 Di dalam situasi bahawa mana-mana perkhidmatan atau cukai lain yang bersifat sama yang sama ada atau selepasnya perlu dicaj mengikut undang-undang ke atas mana-mana pembayaran yang dinyatakan di sini, Pelanggan perlu membayar cukai berkenaan seperti yang dinyatakan oleh undang-undang dari masa ke semasa, dan tambahan pada jumlah yang perlu dibayar di sini atau berkaitan selepasnya. Sekiranya RHB Bank diperlukan oleh undang-undang untuk mengumpul dan membuat bayaran berkaitan dengan cukai tersebut, Pelanggan bersetuju untuk melepaskan RHB Bank dari keadaan yang sama dan/atau Pelanggan membenarkan RHB Bank untuk mendebit terus akaun Pelanggan yang berkenaan untuk mana-mana cukai seumpamanya.

7. INTERNET, RANGKAIAN & PEMBEKAL PERKHIDMATAN RANGKAIAN KOMUNIKASI

- 7.1 Pelanggan memahami bahawa mana-mana akses dan/atau penggunaan Laman Web atau Pengurusan Perkhidmatan Tunai Refleks akan dilaksanakan menerusi pembekal perkhidmatan internet yang relevan, pembekal rangkaian dan pembekal rangkaian komunikasi di dalam negara di mana perkhidmatan seumpamanya boleh diakses dan tahap akses dan/atau penggunaannya tertakluk dan dikawal undang-undang dan peraturan yang relevan di negara dan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan oleh pembekal perkhidmatan internet, pembekal rangkaian dan pembekal rangkaian komunikasi.
- 7.2 RHB Bank tidak menjamin keselamatan dan Arahan sulit dan maklumat lain yang dihantar menerusi pembekal perkhidmatan internet, pembekal rangkaian atau pembekal rangkaian komunikasi atau mana-mana system yang sama tarafnya dalam mana-mana perundangan menerusi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dan RHB Bank tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana akses tanpa kebenaran, kecurian maklumat atau mana-mana kerugian dan kerosakan yang timbul darinya. Sebagai tambahan, Pelanggan meneima dan bersetuju bahawa RHB tidak akan bertanggungjawab untuk mana-mana kerosakan elektronik, mekanikal, kegagalan data, virus computer, pepijat atau maklumat yang berkait yang mungkin menyumbang pada maklumat yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan internet, pembekal rangkaian atau pembekal rangkaian komunikasi.

8. PERALATAN DAN PERISIAN

- 8.1 Pelanggan bertanggungjawab bagi memastikan kesesuaian browser internet, setting dan mana-mana peralatan yang digunakan untuk akses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dan juga untuk memastikan peralatan bebas dari mana-mana kerosakan, virus dan kesilapan. Tambahan pula, Pelanggan bertanggungjawab ke atas komputer, sistem dan peralatan lain dari mana Pengguna akses Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, termasuk tanpa had penyelenggaraan, operasi dan kebenaran penggunaan computer, sistem dan peralatan lain seumpamanya. Pelanggan bersetuju untuk mematuhi dengan mana-mana kriteria yang ditetapkan oleh RHB Bank dari masa ke semasa merujuk pada komputer, sistem dan peralatan lain dari mana Pelanggan akses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks (termasuk mana-mana perisian yang digunakan). Pelanggan akan sepenuhnya bertanggungjawab di atas mana-mana kerugian atau kerosakan yang timbul dari atau berkaitan dengan penggunaan mana-mana komputer, sistem dan peralatan lain yang dimiliki pihak ketiga.

9. KANDUNGAN LAMAN WEB

- 9.1 RHB Bank akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan kesediaan dan ketepatan semua maklumat dan kandungan material berkaitan dengan RHB Bank dan produk, perkhidmatan dan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks yang ditawarkan oleh RHB Bank
- 9.2 Tanpa menyentuh apa-apa yang sedia ada, bagaimana pun produk, perkhidmatan, maklumat, kandungan dan mana-mana material (termasuk tanpa had akses ke laman web

lain dan produk, perkhidmatan, material, kandungan pihak ketiga) yang terkandung dalam laman web atau sedia ada pada Pelanggan menurut Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks yang disediakan berdasarkan asas "sedia ada" dan "sebagai tersedia" tanpa sebarang perwakilan dan/atau jaminan dalam apa-apa bentuk. Akses yang seumpamanya dan/atau penggunaan laman web dan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks adalah tanggungan risiko Pelanggan dan Pelanggan sepenuhnya bertanggungjawab ke atas penilaian bebas dan/atau professional dan kepastian perdagangan, kesesuaian tujuan, ketepatan, kualiti, kecukupan, jangka masa dan/atau kelengkapan produk, perkhidmatan, maklumat dan/atau kandungan sebelum melaksanakan aktiviti Pelanggan dan membuat sebarang keputusan terhadap mana-mana produk, perkhidmatan, maklumat dan/atau kandungan termasuk keputusan berkaitan dengan perniagaan, kewangan, komersial dan/atau pelaburan. Risiko dan kesan kegagalan melaksanakan penilaian bebas dan/atau professional dan kepastian akan ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan.

9.3 RHB Bank akan dari masa ke semasa dan atas budi bicara RHB Bank mempamerkan produk atau perkhidmatan pihak ketiga di Laman Web, atau pautan ke laman web pihak ketiga di Laman Web. RHB Bank akan berusaha untuk memastikan kualiti dan standard minimum semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di dalam Laman Web memandangkan Pelanggan membeli produk atau perkhidmatan seumpamanya secara langsung dari pihak ketiga yang berkaitan. RHB Bank tidak membuat apa-apa representasi atau waranti terhadap kualiti dan/atau standard produk atau perkhidmatan pihak ketiga. RHB Bank dari masa ke semasa dan tanpa notis pada Pelanggan, mempelbagai, mengubah, memadam atau menilai kandungan, tidak terhad terhadap Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks.

10. PAUTAN-PAUTAN

10.1 Pautan atau ke laman web yang disediakan di Laman Web adalah untuk kemudahan Pelanggan sahaja. Oleh itu, pautan laman web seumpamanya adalah di bawah kawalan dan hak milik pihak ketiga. RHB Bank tidak menerima tanggungjawab dan liabiliti untuk akses ke dan/atau penggunaan pautan tersebut, atau produk, perkhidmatan, maklumat, material atau kandungan laman web tersebut. Juga, RHB Bank tidak menjamin dan tidak bertanggungjawab terhadap status pautan seumpamanya atau mana-mana pautan yang mempunyai akses laman web atau produk, perkhidmatan, maklumat, material dan/atau kandungan yang terdapat di dalamnya. Tambahan pula, pautan yang disediakan di laman web tersebut tidak boleh dianggap atau ditafsir sebagai pengesahan atau kepastian bahawa pautan laman web seumpamanya atau kandungan yang dinyatakan oleh RHB Bank.

10.2 Apabila pautan-pautan di atas di akses, Pelanggan akan keluar dari Laman Web dan polisi persendirian dan juga ikatan pelanggan akan terbatal. Pelanggan dengan ini bergantung pada syarat pautan dan/atau polisi persendirian pautan laman web tersebut dan Pelanggan dengan ini bersetuju akan risiko yang terlibat dengan menggunakan dan/atau akses laman web berkenaan ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan.

10.3 Pelanggan akan menanggung semua risiko dan menghadapi tanggungjawab sepenuhnya atas penggunaan dan/atau akses laman web yang lain atau portal menerusi pautan yang

disediakan di sini dan RHB Bank tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana kerugian atau kerosakan yang mungkin disebabkan kesan penggunaan dan/atau pautan tersebut.

11. HAK MILIK HARTA INTELEKTUAL

- 11.1 RHB Bank (atau wakilnya) memiliki sepenuhnya dan dengan ini menyatakan sama ada kini atau di masa hadapan semua Harta Intelek yang berdaftar dan tidak berdaftar atau hak milik (termasuk tanda niaga, hak milik, tanggungjawab moral, patent dan hak rekacipta) di dalam Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, kandungannya dan laman web dan mana-mana hak perundangan dan manfaat dan faedah atau bersifat seumpamanya yang berkait menurut undang-undang Malaysia dan semua negara di dunia untuk tempoh penuh beserta mana-mana pembaharuan dan tambahan daripadanya.
- 11.2 Tiada yang dinyatakan di sini dianggap sebagai memberi lesen secara terang atau tersirat (atau hak yang lain) pada Pelanggan untuk mengguna, menerbitkan semula, menyalin atau berurusan dengan mana-mana satu atau lebih Harta Intelek dan hak milik yang dikenalpasti di klausa 1.1. Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dan hak yang dibenarkan pada Pelanggan menurut terma-terma dan syarat-syarat yang tersedia untuk Pelanggan adalah khusus untuk pautan peribadi Pelanggan dan/atau penggunaannya. Mana-mana hak yang tidak dinyatakan menurut terma-terma dan syarat-syarat adalah secara menyeluruh dan eksklusif untuk dan oleh RHB Bank.
- 11.3 Pelanggan tidak dengan sendirinya atau menerusi mana-mana pihak ketiga mengikat atau berniat untuk melanggar mana-mana akta, termasuk tetapi tidak terhad untuk membentuk pautan, menghantar spam, metatagging dan/atau spidering.
- 11.4 Dari masa ke semasa, RHB Bank mungkin mengeluarkan tujuan dan arahan yang berkaitan dengan mana-mana penggunaan harta intelektual dan hak milik kepunyaan RHB Bank (atau wakilnya) dan Pelanggan perlu memenuhi mana-mana atau semua arah tujuan atau arahan.

12. REPRESENTASI DAN WARANTI

- 12.1 Pelanggan representasi dan waranti kepada RHB Bank bahawa :-
 - 12.1.1 Semua terma-terma dan syarat-syarat adalah diberikuasa dan membentuk obligasi undang-undang, sah dan mengikat obligasi Pelanggan.
 - 12.1.2 Pelanggan dan perseorangan yang memohon (a) pelaksanaan dan prestasi terma-terma dan syarat –syarat ini (b) akses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dan (c) mengeluarkan mana-mana Arahan bagi pihak Pelanggan untuk mengambil semua tindakan korporat dan tindakan lain yang berkaitan yang diperlukan oleh perlembagan Pelanggan untuk membenarkan pelaksanaan dan prestasi terma-terma dan syarat-syarat, pautan dan/atau penggunaan Pengurusan Perkhidmatan Tunai Refleks dan mengeluarkan Arahan bagi pihak Pelanggan; dan

12.1.3 Pelaksanaan Pelanggan dan prestasi Terma-terma dan Syarat-syarat ini, pautan dan/atau penggunaan Pengurusan Perkhidmatan Tunai Refleks dan mengeluarkan Arahan yang tidak melampaui kuasa yang dibenarkan kepada Pelanggan atau persorangan yang bertindak bagi pihak Pelanggan atau melanggar mana-mana peruntukani :

- a. Mana-mana perundangan, peraturan atau arahan lain, notis-notis, garis panduan atau dekri pihak berkuasa kerajaan, agensi atau mahkamah di mana Pelanggan tektakluk;
- b. Memorandum dan Artikel Persatuan Pelanggan atau dokumen sokongan Pelanggan yang lain

12.2 Pelanggan representasi dan waranti kepada RHB Bank bahawa sebelum mengeluarkan Pengenal pasti kepada Pengguna, Pengguna telah diberi penerangan dan arahan mengenai operasi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, tugas individu bagi setiap Pengenal pasti dalam rangka kerja Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, cara untuk menyerahkan arahan, dan langkah-langkah keselamatan yang perlu bagi melindungi Pengenal pasti individu masing-masing.

12.3 Pelanggan dianggap representasi dan waranti kepada RHB Bank bahawa tarikh setiap pembaharuan Terma-terma dan Syarat-syarat dan/atau pada tarikh permohonan Pelanggan untuk tambahan perkhidmatan di bawah Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks bahawa representasi dan waranti yang terkandung dalam klausa 12.1 dan 12.2 di atas adalah benar dan tepat semuanya dan seolah-olahltelah dibuat pada tarikh yang dinyatakan. Bagi mana-mana representasi dan waranti yang atau mana-mana penyata yang terkandung di dalamnya terbukti tersasar atau tidak betul, ia akan dianggap dibuat atas kebenaran dan pembiaran atau berpunca dari kecuaiian Pelanggan dan pegawainya atau pekerjaanya yang melakukan tindakan dalam kapasiti tersebut.

12.4 Kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus di sini, RHB Bank tidak membuat representasi dan waranti dalam aspek :

12.4.1 Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks. Laman web dan/atau Pengenal pasti, sama ada dari aspek kesediaan individu Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, keselamatan Arahan yang diserahkan, akses tanpa gangguan di sini menerusi Laman Web dan/atau perkhidmatan di sini, penerimaan atau kesahihan Pengenal pasti, atau mana-mana warranti yang tersirat l termasuk berkaitan perdagangan dan kesesuaian tujuan tertentu.

12.4.2 Kekeraan, ketepatan, kesediaan atau isian tanpa gangguan kandungan atau maklumat yang tersedia ada sebagai sebahagian dari Perkhidmatan Pengurusan Tuani Refleks, termasuk tetapi tanpa had pada kadar pertukaran mata wang, kadar pasaran matawang, komen pasaran dan perkhidmatan seumpamanya yang mungkin ditambah, dipadam atau dipelbagaikan oleh RHB Bank dari masa ke semasa; dan

12.4.3 Sama ada atau tidak permohonan Pelanggan dan Arahan yang dibuat di bawah Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks akan dibenarkan oleh RHB Bank secara keseluruhan atau bersyarat bagi mana-mana kebenaran yang diluluskan. Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks disediakan pada asas "sedia ada" dan "tersedia ada" tanpa waranti dalam mana-mana bentuk sama ada dinyatakan atau yang tersirat, statutori atau sebaliknya.

12.5 Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks disediakan pada asas "sedia ada" dan "tersedia ada" tanpa waranti dalam mana-mana bentuk sama ada dinyatakan atau yang tersirat, statutori atau sebaliknya.

13. LIABILITI ATAU TANGGUNG RUGI PELANGGAN

13.1 Tanpa prejudis pada dan tambahan kepada hak RHB Bank dan menyelesaikan menurut Terma-terma Lazim untuk memperolehi kembali kerugian atau kerosakan yang ditanggung Akaun dan/atau Akaun Subsidiari terhadap pemegang akaun tersebut, Pelanggan bertanggungjawab kepada RHB Bank terhadap kerugian atau kerosakan sama ada secara langsung atau tidak langsung, bercontohnya, berkesan, tidak sengaja, kerugian atau kerosakan khusus, atau kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik (termasuk bagi pihak ketiga) yang timbul bagi Akaun, Akaun Subsidiari atau sebaliknya yang ditanggung oleh RHB Bank dari atau berkait dengan mana-mana Arahan (atau bersiri atau sebahagiannya) diterima atau dilaksanakan di bawah Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks mengikut Pelanggan dan perlanggaran Terma-terma dan Syarat-syarat oleh Pelanggan.

13.2 Tanpa prejudis dan sebagai tambahan pada klausa 13.1, mengambil kira RHB Bank membenarkan akses dan/atau penggunaan Pelanggan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, Pelanggan akan bertanggungjawab dan sepenuhnya menanggung rugi, melindungi, mempertahankan dan memegang RHB Bank, syarikat bersekutunya, pegawai, pekerja, sub kontraktor dan/atau agen di sini (secara menyeluruh, "Yang Ditanggung") dari sebarang tuntutan dan membayar mereka untuk mana-mana dan semua tuntutan, tindakan, prosiding, kerugian, kerosakan, kos, perbelanjaan (termasuk asas yuran perundangan dan perbelanjaan guaman dan klien) dan liabiliti lain yang dibuat dan/atau mengikat, dihadapi dan/atau ditanggung oleh man-mana atau semua "Yang Ditanggung" walaupun ia timbul secara langsung atau tidak langsung dari :-

13.2.1 Penipuan, kecuaiian, kesalahan dan/atau tindakan berniat, kesilapan dan atau peninggalan Pelanggan;

13.2.2 Ketidapatuhan Pelanggan atau perlanggaran mana-mana obligasi, jangkaan, perjanjian, akujanji dan/atau waranti-waranti yang dinyatakan di sini;

13.2.3 Peruntukan Pelanggan terhadap ketidak tepatan, tidak lengkap, mengelirukan, kesilapan dan/atau penipuan maklumat dan/atau arahan pada RHB Bank

13.2.4 Kerosakan atau jangkitan virus atau sebaliknya atau gangguan pada atau kegagalan Laman Web, perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dan/atau sistem

pihak ketiga secara langsung atau tidak langsung menyumbang kepada Pelanggan.

- 13.2.5 Pelaksanaan hak RHB bank di sini kesan dari pelanggaran Pelanggan terhadap mana-mana obligasi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat.
 - 13.2.6 Kegagalan Pelanggan atau Pengguna untuk mematuhi tanggungjawab keselamatan di bawah klausa 5 di sini dan/atau akta seumpamanya atau peninggalan oleh mana-mana perseorangan menggunakan Pengenal pasti akibat dari kegagalan Pelanggan atau Pengguna untuk mematuhi tanggungjawab keselamatan yang dinyatakan.
 - 13.2.7 Mana-mana tindakan yang timbul dari pelanggaran atau penyalahgunaan tanda niaga, atau hak milik atau mana-mana hak harta intelektual pihak ketiga yang lain oleh Pelanggan
 - 13.2.8 Kegagalan Pelanggan atau Pengguna untuk memastikan dana yang mencukupi di dalam Akaun dan Akaun Subsidiari.
 - 13.2.9 Penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks untuk mana-mana tujuan jenayah dan menyalahi undang-undang.
 - 13.2.10 Mana-mana tuntutan pihak ketiga, permintaan, tindakan atau prosiding terhadap RHB Bank kesan dari mana-mana Arahan yang dilaksanakan oleh RHB Bank; dan
 - 13.2.11 Penggunaan Pelanggan atau Pengguna, menyalahgunakan dan/atau akses Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks (menyeluruh atau sebahagiannya)
 - 13.2.12 Mana-mana atau semua dokumen transaksi yang diserahkan pada RHB Bank dan/atau pelanggaran obligasi Pelanggan dan/atau waranti yang tertera di klausa 3.6.
 - 13.2.13 Mana-mana dan semua Arahan yang disediakan Pelanggan atau Pengguna (atau dianggap dari Pelanggan atau Pengguna sama ada Pelanggan menyatakan kebenaran atau tidak);
 - 13.2.14 Akses Pelanggan dan/atau penggunaan mana-mana Akaun Subsidiari yang tidak dicadangkan dan dibenarkan oleh pemegang Akaun Subsidiari.
- 13.3 Tanpa prejudis pada pernyataan umum yang tersedia, Pelanggan bersetuju bahawa menurut budi bicara RHB Bank pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa, menolak mana-mana wang milik Pelanggan atau mendebit mana-mana akaun Pelanggan (sama ada debit atau kredit) di mana Pelanggan kini dan selepasnya mempunyai dengan RHB Bank atau mana-mana cawangan RHB Bank di Malaysia atau tempat lain, apa-apa nilai atau sejumlah wang di mana Pelanggan mungkin bertanggungjawab kepada RHB Bank seperti yang dinyatakan di sini.

14. PERLEPASAN LIABILITI

- 14.1 Tidak dalam mana-mana keadaan RHB Bank bertanggungjawab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga terhadap mana-mana kerugian atau kerosakan sama ada secara

langsung atau tidak, bercontoh, berkesan, tidak sengaja, punitif, kerugian atau kerosakan khusus, atau kerugian pendapatan, keuntungan atau nama baik (termasuk yang melibatkan mana-mana pihak ketiga) sama ada timbul, di dalam kontrak, kesilapan (termasuk kecuaiian), pelanggaran diti statutori atau sebaliknya dari atau berkaitan dengan peruntukan RHB Bank atau akses Pelanggan dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, atau mana-mana material lain, sumber atau perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Terma-term dan Syarat –syarat di sini, walau pun sekiranya RHB Bank telah dinasihati akan kemungkinan kerugian atau kerosakan seumpamanya terlebih dahulu dan semua kerosakan seumpamanya dinyatakan pengecualian. Tanpa had pada pernyataan umum yang tersedia, RHB Bank tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana kerugian atau kerosakan akibat dari keadaan yang berikut :-

- a. Ketidahasihan, kesilapan, ketidaktepatan atau tidak lengkap mana-mana arahan atau maklumat (sama ada dengan kebenaran atau tidak)
- b. Mana-mana kelewatan atau kegagalan untuk bertindak terhadap mana-mana arahan, data atau dokumentasi di atas apa-apa sebab sekali pun
- c. Mana-mana kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan mana-mana Arahan untuk menghentikan transaksi atau sebaliknya untuk menghentikan mana-mana bayaran atau pindahan
- d. Mana-mana kerosakan, kemusnahan, pengubahan, kehilangan atau kesilapan arahan akibat transmisi ke RHB Bank menerusi Laman Web
- e. Mana-mana kelewatan atau kegagalan pada transmisi arahan ke RHB Bank dan/atau
- f. Kegagalan atau kelewatan Pelanggan untuk mengakses dan/atau menggunakan mana-mana bahagian Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks atas apa-apa sebab, termasuk kegagalan atau kelewatan seumpamanya disebabkan oleh pihak ketiga
- g. Kegagalan system, kesilapan pemprosesan, kerosakan perisian, kesalahan operasi, kerosakan perkakasan, kapasiti tidak mencukupi, kelemahan rangkaian, kelemahan kawalan, had keselamatan, serangan balas, peristiwa pencerobohan dan kapasiti pemulihan yang tidak mencukupi
- h. Mana –mana transaksi yang telah diproses oleh RHB Bank walaupun penerimaan RHB Bank permintaan Pelanggan untuk memastikan dan/atau membatalkan transaksi seumpamanya atau Pelanggan mendapati arahan berkenaan transaksi adalah tanpa kebenaran
- i. Tindakan RHB Bank, peninggalan, kelewatan dan/atau kecuaiian yang berkaitan dengan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, laman web, Akaun, Akaun Subsidiari dan semua perkara yang berkaitan di sini
- j. Tindakan RHB Bank atau peninggalan, sama ada bertindak kepada Pelanggan yang tidak menuruti atau pelanggaran mana-mana obligasi, syarat, akujanji-akujani, tanggungjawab dan/atau waranti-waranti yang dinyatakan di sini atau bergantung pada peruntukan Pelanggan terhadap ketidaktepatan, mengelirukan, kesilapan dan/atau penipuan maklumat dan/atau Arahan

- k. (I) tidak menyampaikan, kelewatan menyampaikan atau kesilapan menyampaikan mana-mana maklumat dan (II) kandungan maklumat tidak lengkap; dan (III) penggunaan Pelanggan dan pergantungan kandungan mana-mana maklumat yang disediakan dan menurut Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks
- l. Kegagalan mana-mana fungsi pada mana-mana atau semua Pengenal pasti

14.2 Kecuali sebaliknya dinyatakan secara jelas persetujuan RHB Bank secara bertulis, RHB Bank beranggapan tidak memberi apa-apa nasihat, fidusiari atau seumpamanya kepada Pelanggan. RHB Bank menganggap dan bergantung pada anggapan bahawa Pelanggan telah mengambil langkah-langkah perundangan bebas, cukai, kewangan dan nasihat lain berkaitan dengan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks yang sepatutnya.

15. KETIDAKDEDAHAN

15.1 Berdasarkan klausa 7.2, RHB Bank akan mengambil kira maklumat mengenai Pelanggan, Pengguna dan pemegang Akaun Subsidiari dan penggunaan Pelanggan dan Pengguna Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks yang didedahkan pada RHB Bank di bawah terma dan syarat ini, termasuk tanpa had berkaitan dengan urusan, rekod, Akaun, Akaun Subsidiari (Maklumat) sebagai sulit ke tahap yang diperlukan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Tanpa menyentuh apa-apa, Pelanggan dengan ini membenarkan RHB Bank, pegawai, personel, agen dan mana-mana orang perseorangan atas sebab kapasiti atau untuk mencapai rekod RHB Bank, perutusan atau mana-mana material berkaitan dengan Pelanggan, (dan Pelanggan akan memperolehi kebenaran Pengguna dan pemegang Akaun Subsidiari) bagi terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini, untuk tempoh masa yang tidak terhad, untuk pindahan dan pendedahan maklumat,

- a. Pada mana-mana perseorangan atau organisasi yang menyediakan perkhidmatan elektronik dan selainnya pada RHB Bank sama ada di Malaysia atau di tempat lain, untuk tujuan menyediakan, mengemaskini, menyelenggara dan menaiktaraf Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, termasuk tetapi tidak terhad pada penyiasatan ketidaksamaan, kesilapan atau tuntutan
- b. Pada mana-mana perseorangan atau organisasi sama ada di Malaysia atau tempat lain yang dilantik RHB Bank atas tujuan melaksanakan atau menghubungkan prestasi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks atau fungsi operasi RHB Bank atau fungsi operasi yang telah disub kontrak
- c. Pada polis dan mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan
- d. Pada Bank Negara Malaysia, syarikat kad kredit dan institusi kewangan yang berkaitan dengan pertanyaan kad kredit atau memastikan kedudukan kredit Pelanggan
- e. Pada syarikat bersekutu RHB Bank dan anak syarikat RHB Bank walaupun di mana ia berada

- f. Tanpa prejudis pada sub klausa (d) di atas, pada bank lain, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit (hanya maklumat kredit Pelanggan, mana-mana Pengguna atau pemegang Akaun Subsidiari)
- g. Dalam mana-mana prosiding perundangan dan prosiding lain di mana RHB Bank adalah pihak di mana Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks berkait dengan isu Perkhidmatan Pengurusan Tunai Releks yang relevan
- h. Pada agen RHB Bank untuk tujuan mencetak penyata, nasihat, perutusan dan mana-mana dokumen lain
- i. Pada Biro Maklumat Cek, Bank Negara Malaysia dan badan kuat kuasa kerajaan yang lain mungkin diperlukan mana-mana undang-undang, proses perundangan dan sebaliknya dan
- j. Mana-mana pihak ketiga yang dilantik RHB Bank dalam situasi di mana RHB Bank mengalami perubahan pengurusan dan hak milik

15.2 Mana-mana pendedahan seumpamanya atau pindahan tidak akan menyebabkan pihak yang mendedahkan bertanggungjawab kepada Pelanggan, mana-mana Pengguna, pemegang Akaun Subsidiari atau mana-mana pemegang akaun TP atau mana-mana perseorangan lain bagi mana-mana tuntutan, kerugian, kerosakan (termasuk kerosakan secara langsung atau tidak langsung atau kerugian keuntungan atau simpanan) atau liabiliti timbul sama ada kontrak, perjanjian atau mana-mana asas lain termasuk tetapi tidak terhad timbul dari atau berkaitan dengan :-

- 1. melepaskan atau mendedahkan maklumat oleh cawangan, dan syarikat bersekutu RHB Bank atau agen dan pihak ketiga yang dipilih oleh mana-mana pihak di sini
- 2. maklumat tidak tepat, kesilapan atau tersilap nyata dan/atau
- 3. Perrgantungan maklumat (sama ada disebabkan RHB Bank atau sebaliknya) atau pihak ketiga peninggalan, salah nyata, kecuaiian atau kesilapan atau kegagalan teknikal, perkakasan, perisian atau mana-mana bentuk gangguan, kesilapan, pemadaman, virus, kelewatan mengemaskini atau pemberitahuan mana-mana perubahan dalam maklumat atau sebaliknya

16. TERMA DAN PEMBATALAN

16.1 Terma

- 16.1.1 Terma-terma dan syarat-syarat di sini berkuatkuasa dari tarikh pelaksanaan Perjanjian ini berterusan berkuatkuasa untuk tempoh pertama satu (1) tahun "Tempoh Pertama). Perjanjian ini diperbaharui secara automatik untuk tempoh satu (1) tahun seterusnya (Tempoh Pembaharuan) kecuali dan sehingga salah satu pihak memberikan pihak yang satu lagi notis bertulis tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat Tempoh Pertama atau mana-mana Tempoh Pembaharuan untuk tidak memperbaharui Perjanjian ini. Perjanjian ini tertakluk pada pembatalan berdasarkan Perjanjian ini.

16.2 Keadaan Pembatalan

Tanpa prejudis pada hak mana-mana pihak dan remedi, Perjanjian ini boleh dibatalkan mengikut keadaan yang berikut :

Salah satu pihak menyatakan secara notis bertulis bahawa pihak yang satu lagi telah melanggar atau gagal melaksanakan mana-mana obligasi mengikut Perjanjian ini dan kegagalan perlanggaran tersebut, jika dapat diselesaikan, tidak diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas menerima notis bertulis mengenai pengikaran Perjanjian ini (tertakluk sebarang perlepasan dari mana-mana pihak yang melanggar perjanjian tidak akan dianggap sebagai pelepasan yang sama atau mana-mana peruntukan yang lain) atau Salah satu pihak (Pihak Yang Menurut) dengan ini menyatakan secara notis bertulis pihak yang satu lagi (Pihak Yang Mengingkar) ketika berlaku mana-mana keadaan, pembubaran pihak yang mengingkar atau mana-mana kes atau prosiding insolven, penstrukturan (termasuk di mana perintah penahanan diperolehi oleh Pihak Yang Mengingkar, pembubaran, kebangkrapan, pengurusan perundangan atau perundangan yang sama berlaku atau terhadap Pihak Yang Mengingkar

Mana-mana kebimbangan, kaitan atau pelaksanaan lain yang dikenakan terhadap Pihak Yang Mengingkar atau mana-mana asetnya.

16.1.1 Pihak Yang Mengingkari memasuki mana-mana komposisi atau perkiraan dengan pemiutangnya atau mana-mana mesyuarat, sama ada formal atau tidak formal, dipanggil oleh pemiutang Pihak Yang Mengingkari atau mana-mana diantaranya

Pihak Yang Mengingkari membuat atau cuba membuat dakwaan, sandaran atau penyerahan hak untuk manfaat pemiutang-pemiutangnya

Penerima, pemegang amanah dan/atau pengurus yang dilantik untuk menjaga Pihak Yang Mengingkar dan/atau mana-mana asetnya

Penggantungan perniagaan Pihak Yang Mengingkar atau mana-mana bahagian yang dinyatakan di sini atas apa-apa sebab atau penggantungan, penarikan atau pembatalan hak atau lesen Pihak Yang Mengingkar dari terlibat dalam perniagaan seumpamanya dan/atau

Pembubaran atau penggulungan Pihak Yang Mengingkar

Oleh RHB Bank dengan memberikan Pelanggan tiga puluh (30) hari notis bertulis jika Pelanggan gagal atau lewat menyelesaikan mana-mana pembayaran penuh dan berhutang dengan RHB Bank di bawah Perjanjian ini pada tarikh pembayaran tertunggak atau pada tarikh tuntutan apabila dituntut dan kegagalan dan

kelewatan seumpamanya tidak diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis kegagalan atau kelewatan tersebut.

- I. Dengan RHB Bank memberikan Pelanggan notis bertulis mengikut mana-mana arah tujuan atau arahan Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan berkuatkuasa yang lain di mana tarikh efektif pembatalan akan dinyatakan dalam notis bertulis
- II. Oleh salah satu pihak dengan memberikan pihak yang satu lagi notis bertulis pada bila-bila masa atau menyalahi undang-undang terhadap Pelanggan atau RHB Bank untuk melaksanakan atau menuruti mana-mana obligasi mengikut Perjanjian ini, di mana tarikh efektif pembatalan akan dinyatakan dalam notis bertulis
- III. Apabila salah satu pihak menyatakan dengan memberikan pihak yang satu lagi tiga puluh (30) hari notis bertulis untuk membatalkan Perjanjian tanpa sebab
- IV. Apabila Pelanggan menyatakan dengan memberikan RHB Bank tujuh (7) hari notis bertulis untuk membatalkan Perjanjian di dalam keadaan Pelanggan tidak bersetuju dengan mana-mana variasi ubahsuaian, pemotongan atau penambahan pada terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad mana-mana variasi pada Caj Perkhidmatan yang dikenakan oleh RHB Bank

16.3 Salah satu pihak mungkin membatalkan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks tanpa sebab dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada pihak yang satu lagi.

16.4 Sebagai tambahan, RHB Bank mungkin menamatkan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dengan memberikan notis bertulis kepada Pelanggan :-

- i. Berdasarkan mana-mana arah tuju atau arahan Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan perundangan yang lain di mana tarikh efektif pembatalan akan dinyatakan dalam notis bertulis
- ii. Pada bila-bila masa atau apabila berlaku pelanggaran perundangan terhadap pihak pelanggan atau RHB Bank melaksanakan atau menurut obligasi di bawah terma dan syarat di mana Tarikh efektif pembatalan dinyatakan di dalam notis bertulis

16.5 Pelanggan mungkin menamatkan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dengan memberikan RHB Bank tujuh (7) hari notis bertulis untuk pembatalan dalam keadaan Pelanggan tidak bersetuju dengan mana-mana variasi ubahsuaian, pemotongan atau penambahan pada terma-terma dan syarat –syarat termasuk tetapi tidak terhad mana-mana variasi pada Caj Perkhidmatan yang dikenakan oleh RHB Bank

16.6 Tanpa menyentuh mana-mana peruntukan yang tertera di sini, RHB Bank boleh pada bila-bila masa dengan notis tanpa memberikan apa-apa sebab kepada Pelanggan (dan tanpa menanggung sebarang liabiliti), dengan serta merta menghadkan, tidak menyambung,

membatalkan atau menggantung operasi Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks (atau mana-mana bahagian) atau hak Pelanggan untuk mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks (atau mana-mana bahagian) untuk atas apa jua sebab sekalipun (termasuk tetapi tidak terhad kepada force majeure, tindakan perindustrian dan lain-lain), pada budi bicara mutlak dan tunggal RHB Bank. RHB Bank mungkin juga, atas budi bicara mutlak dan tunggalnya mengenakan syarat pada had atau penggantungan termasuk tempoh penggantungan atau had dan kenyataan semula Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dan keperluan sebelum apa-apa kenyataan semula dibuat.

Akibat Pemberhentian

16.7 Setelah penamatan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, di atas budi bicara tunggal RHB Bank, RHB Bank boleh (tetapi tidak bertanggungjawab ke atasnya) bertindak ke atas Arahan Pelanggan yang diterima sebelum tarikh penamatan berkuatkuasa dan di mana belum dilaksanakan oleh RHB Bank. Jika RHB Bank melantik untuk memproses apa jua Arahan, peruntukan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat yang berkaitan dengan pemrosesan Arahan akan terus dikenakan ke atas Arahan tersebut sahaja dan tempoh sah laku Terma-terma dan Syarat-syarat akan dianggap dilanjutkan hanya untuk tujuan pemrosesan Arahan tersebut sahaja, tanpa menyentuh tarikh penguatkuasaan penamatan Terma-terma dan Syarat-syarat. Jika terdapat apa jua hal atau aktiviti yang tergantung dan RHB Bank memerlukan Pelanggan untuk mematuhi, Pelanggan mesti tanpa mengira penamatan telah berkuatkuasa, mengambil semua langkah yang dikehendaki oleh RHB Bank untuk melengkapkan atau menamatkan semua aktiviti di bawah atau selaras dengan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks atau Laman Web. Apa jua dan kesemua hak dan pelesenan yang diberi kepada Pelanggan di bawah ini akan tamat dengan serta-merta. Dalam tempoh (7) hari daripada tarikh penamatan efektif, Pelanggan akan kembali ke RHB Bank dan/atau menghapuskan kesemua Pengenal Pasti dan rekod yang terkandung dengan arahan RHB Bank. Pelanggan bersetuju bahawa jika penamatan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, atas apa jua sebab, RHB Bank tidak mempunyai obligasi untuk memulangkan apa jua amaun kepada Pelanggan, termasuk amaun yang didebitkan daripada Akaun dikhususkan oleh Pelanggan untuk Caj Perkhidmatan.

16.8 Penamatan, pemberhentian atau penggantungan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks oleh RHB Bank di bawah Klausula 16 tidak memberi hak ke atas Pelanggan untuk dan Pelanggan dengan ini melepaskan kesemua hak ke atas apa jua dakwaan atau ganti rugi terhadap RHB Bank untuk apa jua dan kesemua kerugian atau kerosakan ditimpa atau dihadapi oleh Pelanggan sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada tindakan penamatan atau penggantungan.

16.9 Peruntukan Klausula 12, 13, 14, 15, 16.5, 16.6, 16.7 dan 17 serta mana-mana klausula di sini yang mempunyai maksud untuk meneruskan secara sukarela atau paksaan atau selepas peluputan atau penamatan Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan berterusan dan berkuatkuasa selepas peluputan atau penamatan awal Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

17. BUKTI

- 17.1 Kesemua rekod RHB Bank mengenai semua dan apa jua Arahan dan lain-lain bentuk komunikasi oleh Pelanggan semasa atau selepas mengakses dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dalam apa jua bentuk atau medium (termasuk pengestoran maklumat elektronik, log transaksi dalam rekod komputer, pita magnetik, kartrij, cetakan dari komputer, salinan apa jua komunikasi, atau apa jua bentuk pengestoran maklumat) akan menjadi bukti konklusif. Apa jua dan kesemua komunikasi yang dihantar melalui Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks, selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini dianggap sah, tepat dan sah dan akan mempunyai kesan yang sama seperti dokumen bertulis dan/atau ditandatangani.
- 17.2 Pelanggan juga bersetuju untuk merujuk kepada dan untuk menganggap kesemua rekod atau fail, log, pita, kartrij, cetakan computer, salinan atau apa jua bentuk pengestoran maklumat yang disimpan oleh RHB Bank sebagai bukti konklusif kesemua Arahan dan apa jua komunikasi yang diterima atau dihantar oleh RHB Bank.
- 17.3 Pelanggan bersetuju bahawa apa jua bukti penghantaran melalui Laman Web tidak akan dianggap bukti penerimaan oleh RHB Bank. Apa jua Arahan yang dihantar oleh Pelanggan akan memberi kesan yang sama seperti komunikasi bertulis dan/atau ditandatangani.

18. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DAN BIDANG KUASA

- 18.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan ditadbir dan ditafsir selaras dengan perundangan Malaysia. Kedua-dua pihak di sini akan mematuhi penguasaan eksklusif mahkamah di Malaysia tetapi RHB Bank mempunyai hak untuk meneruskan tindakan ke atas Pelanggan di dalam mahkamah di mana-mana Negara di mana penguasaan boleh ditubuhkan.
- 18.2 Tanpa mengehadkan atau menjadi prejudis terhadap perkara am yang terkandung di dalam Klausa 18, Pelanggan bersetuju bahawa Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan garis panduan, notis, arahan dan/atau peraturan Bank Negara Malaysia yang berkuat kuasa dari masa ke semasa, mentadbir akses Pelanggan dan/atau penggunaan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks dan bahawa Terma dan Syarat ini dan Pelanggan bersetuju untuk mematuhi. Di mana perlu, Pelanggan akan mendapatkan kebenaran yang berkaitan daripada Bank Negara Malaysia untuk kebenaran berkaitan selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan/atau arahan Bank Negara Malaysia.

19. NOTIS

- 19.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya, pada Terma-terma dan Syarat-syarat di sini atau di jika dimaklumkan oleh RHB Bank kepada Pelanggan dari masa ke semasa, mana-mana dan kesemua notis untuk diberikan oleh Pelanggan kepada RHB Bank mesti di dalam keadaan bertulis dan ditandatangani oleh Pelanggan dan dihantar melalui pos, ini akan menjadi efektif sejurus penerimaan RHB Bank di alamat berikut:

Ketua Divisyen Pembayaran & Pengurusan Tunai
RHB Bank Berhad (6171-M)

Aras 3, Menara 3, Pusat RHB,
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

19.2 RHB Bank akan memaklumkan Pelanggan dengan cara salah satu di bawah pada budi bicara mutlaknyanya:-

Dengan surat elektronik ke alamat surat elektronik Pelanggan yang terkini yang
19.2.1 berada di dalam rekod RHB Bank, di mana ini akan menjadi efektif dan dianggap diterima oleh Pelanggan, 24 jam selepas surat elektronik ini dihantar;

Dengan memaparkan notis atau makluman di Laman Web, di mana (jika tidak
19.2.2 tertulis sebaliknya pada notis atau komunikasi tersebut) adalah efektif dan dianggap telah diterima oleh Pelanggan pada tarikh paparan; atau

Dengan serahan tangan, di mana ia akan menjadi efektif dan dianggap telah
19.2.3 diterima setelah pegawai atau pekeja yang dilantik oleh Pelanggan menerima dan menandatangani penerimaan pada resit tersebut.

Dengan pos biasa atau pos berdaftar, di mana akan menjadi efektif dan dianggap
19.2.4 diterima oleh Pelanggan selepas tiga hari dihantar;

Dengan faksimili, di mana ini akan menjadi efektif dan dianggap diterima oleh
19.2.5 Pelanggan setelah tamat penghantaran dan terbukti dengan laporan penghantaran.

19.2.6 Dengan apa jua cara notis di atas budi bicara RHB Bank, dari masa ke semasa.

20. FORCE MAJEURE

20.1 RHB Bank tidak bertanggungjawab ke atas Pelanggan di atas apa jua kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan tanggungjawabnya di dalam ini, sehinggakan bahawa prestasi tersebut dihalang atau lewat oleh keadaan di luar bidang kuasa RHB Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kuasa Tuhan, virus, cacing (worms), 'cancelbots' dan pencemar lain, tindakan terrorisme, kebakaran, banjir, bencana alam, letupan, pertelingkahan industri, gangguan, peperangan, tindakan oleh kerajaan, kegagalan atau gangguan rangkaian telefon atau gangguan bekalan elektrik kegagalan Laman Web dan/atau sistem komputer RHB Bank (sama ada virus, kegagalan sistem berfungsi, sama ada disebabkan oleh ada virus, kegagalan system pihak ketiga berfungsi atau saling memerlukan, atau lain-lain sebab di luar bidang kawalan RHB Bank).

21. LAIN-LAIN

21.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan mengikat dan memberi manfaat kepada pengganti dan wakil pihak masing-masing.

- 21.2 Pelanggan tidak boleh menyerahkan hak, manfaat, tanggungjawab atau liabilitinya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini kepada pihak lain tanpa kebenaran bertulis daripada RHB Bank terdahulu. RHB Bank berhak untuk menyerahkan hak seluruh atau sebahagian daripada Terma-terma dan Syarat –syarat ini kepada pihak ketiga tanpa mendapatkan kebenaran Pelanggan dan RHB Bank akan memberi Pelanggan makluman bertulis tentang perkara tersebut.
- 21.3 Jika mana-mana peruntukan Terma-terma dan Syarat -syarat(atau sebahagiannya) dilihat sebagai tidak boleh dikuatkuasa, tidak mematuhi undang-undang atau tidak sah di bawah perundangan pada masa kini atau masa akan datang, , peruntukan tersebut (atau sebahagiannya) akan dianggap tidak boleh dikuatkuasa, tidak mengikut undang-undang atau peruntukan tidak sah, tidak pernah menjadi sebahagian daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat yang lain akan kekal berkuatkuasa dan tidak akan memberi kesan oleh peruntukan yang tidak boleh dikuatkuasa, tidak mengikut undang-undang atau peruntukan tidak sah daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 21.4 RHB Bank berhak pada setiap masa untuk mengubah, menukar, meminda, membuang atau menambah Terma-terma dan Syarat-syarat dengan memaklumkan kepada Pelanggan dengan lebih awal dan Pelanggan akan terikat dengan variasi, pindaan , perubahan, pembuangan dan penambahan tersebut, pada masa yang ditetapkan oleh RHB Bank. Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan variasi, perubahan, pindaan, pembuangan dan penambahan tersebut, Pelanggan boleh penamatkan Terma-terma dan Syarat-syarat ini seperti yang tertera di dalam Klausa 16.3. Akses berterusan Pelanggan kepada Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks yang telah dimodifikasi, diubah, dipinda, ditabung dan ditambah akan dianggap sebagai persetujuan dan penerimaan Pelanggan.
- 21.5 Semua perbelanjaan oleh kedua-dua pihak dalam menyediakan dan membincangkan Perjanjian ini adalah tanggungjawab pihak masing-masing.
- 21.6 Tiada yang terkandung di sini akan member kesan oleh apa jua perubahan dengan penyatuan, pembentukan semula atau sebaliknya di dalam perlembagaan RHB Bank atau Pelanggan, dan Terma –terma dan Syarat-syarat ini akan mengikat pengganti atau wakil RHB Bank dan Pelanggan.
- 21.7 Kegagalan atau kelewatan oleh mana-mana pihak untuk mamatuhi mana-mana terma di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau kegagalan atau kelewatan oleh mana-mana pihak dalam bertindak jika terdapat pelanggaran peraturan tidak akan dianggap sebagai kebenaran untuk pelepasan mana-mana pelanggaran peraturan yang sama atau mana-mana peraturan yang terkandung di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Pelepasan hanya efektif jika dibuat secara bertulis.
- 21.8 Pelanggan menerima dan memersetujui bahawa RHB Bank mungkin memberi sub-kontrak kepada pihak ketiga (termasuk subsidiari RHB Bank atau syarikat yang berkaitan), peruntukan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks (atau apa jua bahagiannya) dan apa jua hal yang berkaitan dengannya. RHB Bank akan kekal bertanggungjawab ke atas tanggungjawab yang dilaksanakan oleh sub-kontraktornya seperti perkara tersebut dilaksanakan oleh pekerja RHB Bank. Pelanggan bersetuju bahawa semua Arahan,

kovenan, representasi, waranti, tanggungjawab, kebenaran, penerimaan, kebenaran penguasaan dan perjanjian yang dibuat di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan kekal dikuatkuasa, walaupun subkontraktor RHB Bank menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks (atau mana-mana bahagian darinya) bagi pihak RHB Bank.

Terma & Syarat Perkhidmatan Pengurusan Tunai Refleks versi 5.0
Mar2018